

**'Himpun Keadilan Untuk Saiful' Lawan 'Bebaskan Anwar' Pada 9 Jan
Bernama
5 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Satu perhimpunan dikenali "Himpun Keadilan Untuk Saiful" dicadang diadakan di perkarangan Kompleks Mahkamah di sini Isnin ini, hari yang sama satu demonstrasi akan diadakan oleh penyokong-penyokong ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena keputusan mahkamah berhubung kes liwat yang dihadapinya.

"Himpun Keadilan Untuk Saiful" dianjurkan oleh Pertubuhan Perमुफakatan Majlis Ayahanda Malaysia (Permas) bagi membela Mohd Saiful Bukhari Azlan, bekas pembantu peribadi Anwar yang mendakwa dia diliwat oleh ketua pembangkang itu.

Setiausaha Agung Permas, Zulkifly Shariff, berkata Permas menyasarkan 5,000 ahli akan menyertai perhimpunan itu yang juga bertujuan membela sistem kehakiman negara serta sebagai sokongan kepada Mohd Saiful yang menjadi mangsa politik.

"Mereka telah sedia maklum bahawa demonstrasi jalanan bukan budaya masyarakat kita dan sekiranya mereka tetap untuk meneruskan perhimpunan tersebut, mereka perlu berdepan dengan Permas dan PPIM (Persatuan Pengguna Islam Malaysia)," katanya kepada pemberita di sini Khamis.

Zulkifly berkata Permas akan mendapatkan permit polis bagi mengadakan perhimpunan itu yang akan melibatkan 15 badan bukan kerajaan (NGO) di bawah naungan Permas, antaranya Putra Malaysia, Pertubuhan Panel Ayahanda Penasihat Insan Malaysia (Papim), Persatuan Kebangsaan Warisan Ketuanan Melayu Malaysia (Pewaris) dan Pertubuhan Kebajikan Melayu Klang.

Di Kelantan, Umno Bahagian Pasir Mas dan lima NGO di jajahan itu hari ini membuat laporan polis bagi membantah perhimpunan "Bebaskan Anwar 901" yang dirancang oleh Parti Keadilan Rakyat itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638121>